



BUKU PANDUAN AKADEMIK  
**KOKURIKULUM BERTERASKAN  
PEMBELAJARAN  
SERVIS**



# KANDUNGAN

Buku Panduan Akademik : Kokurikulum Berteraskan Pembelajaran Servis

---

Kata Pengantar Dekan	01
Kata Pengantar Timbalan Dekan	02
Falsafah Universiti	03
Visi, Misi dan Moto	03
Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis (CCSL)	04
Matlamat	05
Objektif	05
Fungsi	06
Piagam Pelanggan	06
Carta Struktur Organisasi	07
Direktori Staf	08
Peraturan dan Syarat Pendaftaran Kursus Kokurikulum	11
Syarat Perpindahan Kredit	12
Pelaksanaan Kursus Kokurikulum	12
Kokurikulum Berteraskan Pembelajaran Servis	13
Kemahiran Insaniah	14
Pelaksanaan	15
Perancangan Pengajaran	15
Tempoh Pembelajaran Mahasiswa (SLT)	16
Program Libatsama Komuniti	17
Penilaian Kursus	18
Kaedah Penilaian	18
Rubrik Penilaian	18
Teras	19
Senarai Kursus Kokurikulum Pembelajaran Servis	20
Sinopsis Kursus	22
Lampiran	30
Jadual 1-4	30
Format Laporan Projek Pembelajaran Servis	34
Garis Panduan Penilaian Kokurikulum	35



BUKU PANDUAN AKADEMIK  
KOKURIKULUM BERTERASKAN  
**PEMBELAJARAN**  
**SERVIS**

## Kata Pengantar Dekan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.



Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis (CCSL) yang telah berusaha gigih untuk merealisasikan penerbitan Buku Panduan Akademik: Kokurikulum Berteraskan Pembelajaran Servis pada tahun ini.

Kursus kokurikulum merupakan salah satu kursus umum universiti yang wajib diikuti oleh mahasiswa. Oleh itu, mahasiswa diwajibkan untuk lulus dua kredit bagi kursus kokurikulum sebagai syarat pengijazahan. Bermula pada sesi pengajian 2015/2016, Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis telah menawarkan dan melaksanakan kursus kokurikulum dua kredit yang melibatkan elemen pembelajaran servis kepada mahasiswa program Ijazah Sarjana Muda.

Elemen pembelajaran servis ini merupakan pembaharuan yang telah dilakukan oleh Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis dalam kursus kokurikulum sejarah dengan kehendak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk melahirkan graduan atau modal insan yang seimbang, berpotensi dan mempunyai pakej lengkap sebagai generasi masa hadapan yang berwibawa selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pembelajaran Servis yang dilaksanakan melibatkan unsur libatsama komuniti supaya mahasiswa boleh mempraktikkan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah bersama masyarakat.

Buku panduan akademik ini diharapkan dapat membantu mahasiswa untuk memahami dan mendapatkan maklumat lebih mendalam berkaitan kursus kokurikulum berteraskan pembelajaran servis yang ditawarkan oleh Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis UTM. Mahasiswa juga diharapkan dapat menguasai kemahiran insaniah yang diterapkan agar menjadi individu, ahli masyarakat dan tenaga kerja yang memiliki sahsiah yang mantap secara menyeluruh. Akhir kata, saya berharap Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis akan terus maju ke hadapan dengan cemerlang.

### KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR DR. MOHD ZAKI BIN KAMSAH**  
Dekan Pengajian Prasiswazah,  
UTM, Johor Bahru



## Kata Pengantar Timbalan Dekan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat datang ke Pusat Kokurikulum dan Pembelajaran Servis.

Kursus kokurikulum merupakan salah satu kursus umum universiti yang wajib diikuti oleh mahasiswa dan wajib lulus dua kredit sebagai syarat untuk pengijazahan. Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis telah dipertanggungjawabkan untuk menawarkan dan melaksanakan kursus kokurikulum kepada mahasiswa bagi tujuan tersebut. Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis telah membuat pembaharuan dalam kursus kokurikulum dengan memperkenalkan unsur libatsama komuniti supaya mahasiswa boleh mempraktikkan kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah bersama masyarakat. Pendekatan pembelajaran yang digunakan adalah Pembelajaran Servis. Ini dapat melahirkan mahasiswa yang bersifat holistik dan seimbang dalam perkembangan mental dan kerohanian.

Pembangunan holistik mahasiswa adalah salah satu usaha untuk melahirkan graduan yang boleh menguasai kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini merupakan komponen penting untuk kebolehpasaran graduan. Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengenal pasti bahawa kursus kokurikulum adalah pemangkin yang mampu membangunkan kemahiran insaniah mahasiswa secara praktikal selain daripada disiplin ilmu yang diperoleh di dalam dewan kuliah. Kursus Kokurikulum Pembelajaran Servis menjadi pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Ia merupakan wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan yang membantu mahasiswa meningkatkan keupayaan diri. Justeru itu, kursus ini boleh membantu mahasiswa berkembang sebagai individu, ahli masyarakat dan tenaga kerja yang berkualiti.

Buku Panduan Kursus Kokurikulum Pembelajaran Servis ini diterbitkan bertujuan untuk memberikan panduan kepada mahasiswa memilih kursus kokurikulum yang ingin diikuti berdasarkan minat, bakat dan keupayaan masing-masing bagi mencapai maksud menguasai dan memperkaya kemahiran insaniah kendiri. Justeru itu, mahasiswa diharapkan dapat merujuk buku panduan ini agar mendapat gambaran awal mengenai kursus-kursus yang ditawarkan untuk membuat pilihan.

### **KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA**

Sekian, terima kasih.

**PROF. MADYA DR. MOHD SYAFRY BIN MOHD RAHIM**

Timbalan Dekan,

Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis

UTM, Johor Bahru



## FALSAFAH UNIVERSITI

Hukum Allah adalah dasar kepada sains dan teknologi,  
maka Universiti Teknologi Malaysia berusaha secara menyeluruh  
dan bersepadu memperkembangkan kecemerlangan sains dan teknologi  
untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat  
sesuai dengan kehendakNya.

.....

## VISI

Diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan akademik  
dan teknologi bertaraf dunia

## MISI

Menjadi peneraju dalam pembangunan modal insan dan teknologi inovatif  
demi pengayaan Khazanah Negara.

## MOTO

Kerana Tuhan Untuk Manusia



## PENUBUHAN

Nama asal Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis (CCSL) ialah Pusat Kokurikulum. Pusat ini telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1992 untuk mengendalikan penawaran kursus kokurikulum berkredit kepada semua mahasiswa yang mengikuti program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa berikutan dengan kursus kokurikulum telah menjadi syarat untuk pengijazahan. Mahasiswa UTM yang mengikuti program Diploma disyaratkan mengambil dan lulus satu kredit kursus kokurikulum sementara mahasiswa yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda disyaratkan mengambil dan lulus dua kredit kursus kokurikulum bagi memenuhi syarat untuk pengijazahan. Penawaran kursus kokurikulum berkredit oleh Pusat Kokurikulum telah dimulakan pada semester 1, sesi pengajian 1992/93 (Julai 1992).

## PENTADBIRAN

Pada peringkat awal, Pusat Kokurikulum beroperasi di bawah pentadbiran Canselor dengan menumpang ruang pejabat, Pejabat Hal Ehwal Korporat. Pada 15 September 1997, Pusat Kokurikulum telah berpindah ke bangunan sendiri di Blok L52 namun masih di bawah pentadbiran Canselor. Berikutan dengan penstrukturian semula pentadbiran Canselor, Pusat Kokurikulum telah dipindahkan di bawah pentadbiran Timbalan Naib Canselor (Akademik) berkuat kuasa mulai 1 April 2009 dan dijenamakan semula sebagai Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum (CGCC). Pertukaran nama CGCC kepada CCSL berlaku pada tahun 2014 berikutan dengan penyusunan semula unit-unit di bawah pentadbiran Timbalan Naib Canselor (Akademik). Dalam penyusunan semula tersebut, CCSL telah menjadi unit di bawah pentadbiran Pusat Pengajian Prasiswazah.

## PENAWARAN KURSUS

CCSL telah menawarkan lebih daripada 60 jenis kursus kokurikulum sepanjang penubuhannya mengikut lapan teras kursus kokurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi iaitu teras kepimpinan, kesukarelawanan, daya usaha dan inovasi, khidmat komuniti, keusahawanan, pengucapan awam, kebudayaan dan sukan. Dari tahun ke tahun, kursus-kursus kokurikulum yang ditawarkan dikaji dari segi permintaan dan kerelevanannya. Kursus-kursus yang tidak mendapat permintaan dan tidak relevan akan digugurkan daripada penawaran. Dalam masa yang sama ada kursus-kursus baharu yang ditawarkan. Pada sesi pengajian 2015/2016, CCSL telah menawarkan lebih daripada 30 kursus kokurikulum, iaitu merangkumi teras kepimpinan, kesukarelawanan, daya usaha dan inovasi, khidmat komuniti, keusahawanan, kebudayaan dan sukan. Mulai semester kedua sesi 2015/2016 kursus

kokurikulum dengan dua kredit mula ditawarkan kepada mahasiswa program Ijazah Sarjana Muda kemasukan sesi 2015/2016. Kursus kokurikulum pada awalnya telah diadakan pada hari Rabu dari jam 2.00 petang hingga 6.00 petang pada setiap minggu. Setiap kursus berjalan selama dua jam pada setiap minggu sepanjang semester. Kursus kokurikulum telah diubah pelaksanaannya kepada hari Selasa mulai semester 2 sesi 2013/2014 berikut dengan perubahan cuti mingguan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor. Pelaksanaan kursus kokurikulum melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah, latihan amali di luar bilik kuliah dan projek khidmat komuniti. Mulai semester 1 sesi 2015/2016 semua kursus kokurikulum diwajibkan melaksanakan projek khidmat komuniti. Projek khidmat komuniti telah menjadi salah satu elemen dalam penilaian kursus. Oleh itu, semua pelajar yang mengambil kursus kokurikulum dikehendaki melibatkan diri dengan projek khidmat komuniti yang dijalankan oleh kursus kokurikulum masing-masing.

## MATLAMAT

Untuk menggalakkan interaksi dalam kalangan mahasiswa dalam usaha untuk membantu Universiti melahirkan graduan yang boleh menyesuaikan diri dan bekerjasama.

## OBJEKTIF

- 1 Memberikan peluang kepada mahasiswa untuk menyertai kursus kokurikulum berdasarkan minat, bakat dan keupayaan masing-masing.
- 2 Melatih mahasiswa tentang aspek perancangan dan pelaksanaan sebagai pengetahuan berguna yang dapat melengkapkan diri mereka sebagai pemimpin generasi yang serba boleh pada masa hadapan.
- 3 Mendedahkan mahasiswa kepada semangat bekerjasama dan boleh bekerja dalam satu pasukan.
- 4 Memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan negara melalui penglibatan bersama komuniti dan alam sekitar dalam projek khidmat komuniti.
- 5 Memenuhi hasrat Universiti untuk membangunkan sahsiahan mahasiswa bagi melahirkan masyarakat berilmu, bermoral, berdedikasi, bertanggungjawab dan berdikari.

## FUNGSI


- 1 Menguruskan kursus kokurikulum yang merangkumi urusan penawaran, pelaksanaan, pentaksiran dan pengurusan markah untuk semua kursus kokurikulum yang ditawarkan.
- 2 Mengurus dan menyelaraskan kursus pembelajaran servis (service learning) yang ditawarkan oleh fakulti, termasuk membantu fakulti megenal pasti dan mencari penaja dan rakan kerjasama projek service learning.
- 3 Menguruskan dan melaksanakan perlantikan pensyarah dan jurulatih kursus kokurikulum dan menguruskan dan melaksanakan program latihan pensyarah/ jurulatih dan Service Learning.
- 4 Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan kursus kokurikulum yang berasaskan badan beruniform seperti Palapes, Suksis, Sispas, KelanaSiswa dan Pertolongan Cemas.
- 5 Bekerjasama dengan Unit Aktiviti HEMA (seperti Unit Sukan, Unit Kebudayaan dan persatuan/kelab) dalam menyelaraskan pelaksanaan kursus kokurikulum yang ada kaitan dengan unit atau persatuan berkenaan.

## PIAGAM PELANGGAN

Untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara dan visi Universiti, sesungguhnya kami dengan penuh iltizam dan dedikasi berikrar akan;

- 1 Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, ikhlas, cekap dan amanah.
- 2 Melaksanakan sistem pengurusan yang berwibawa dan perkhidmatan yang mesra.
- 3 Memastikan kursus kokurikulum bersifat dinamik dan pelengkap kepada mahasiswa.
- 4 Memastikan pembinaan sahsiah mahasiswa mencapai sasaran menerusi kursus dan aktiviti kokurikulum.
- 5 Sedia menerima idea-idea positif daripada mahasiswa demi keutuhan kursus kokurikulum.

## CARTA ORGANISASI



## DIREKTORI STAF

PUSAT KURSUS KOKURIKULUM DAN PEMBELAJARAN SERVIS  
JOHOR BAHRU



**Prof. Dr. Mohd Zaki Bin Kamsah**  
Dekan  
Pusat Pengajian Prasiswazah

📞 07-5537854      ✉ r-zaki@utm.my



**Prof. Madya Dr. Mohd Shafry bin Mohd. Rahim**  
Timbalan Dekan  
Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis (CCSL)

📞 07-5532288      ✉ shafry@utm.my



**Prof. Madya Dr. Khairil Anuar bin Arshad**  
Penyelaras Pembelajaran Servis  
CCSL, Johor Bahru

📞 07-5557336      ✉ khairilanuar@utm.my



**Dr. Adibah binti Abdul Latif**  
Penyelaras Pentaksiran  
CCSL, Johor Bahru

✉ p-adibah@utm.my



**En. Mohd Sofri bin Ibrahim**  
Penolong Pendaftar Kanan  
CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532292      ✉ sofri@utm.my



**En. Mohamed Romli bin Othman**  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan  
CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532290      ✉ romli@utm.my



BUKU PANDUAN AKADEMIK  
KOKURIKULUM BERTERASKAN  
**PEMBELAJARAN**  
**SERVIS**

## DIREKTORI STAF

### PUSAT KURSUS KOKURIKULUM DAN PEMBELAJARAN SERVIS JOHOR BAHRU



Pn. Siti Nurarbaiyah binti Mohamad

Setiausaha Pejabat

CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532286

✉️ nurarbaiyah.kl@utm.my



En. Mohd Zin bin Simor

Pembantu Tadbir Kanan - Kewangan

CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532287

✉️ mohdzin@utm.my



En. Mohamad Noh bin Awab @ Alias

Pembantu Tadbir Kanan - Akademik

CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532284

✉️ mdnoh@utm.my



Pn. Norarfinah binti Ariffin

Pembantu Tadbir - Akademik

CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532284

✉️ norarfinah@utm.my



En. Mohd Zakie bin Ismail

Pembantu Tadbir - Pembelajaran Servis

CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532284

✉️ zakie@utm.my



En. Anuar bin Sulong

Pembantu Operasi

CCSL, Johor Bahru

📞 07-5532284

✉️ anuarsulong@utm.my

## DIREKTORI STAF

PUSAT KURSUS KOKURIKULUM DAN PEMBELAJARAN SERVIS  
KUALA LUMPUR



Pn. Normah binti Ismail  
Pembantu Tadbir (P/O) Kanan  
CCSL, Kuala Lumpur  
📞 03-26154424     ✉ normah.kl@utm.my



Riduan Bin Abdul Rashid  
Pembantu Tadbir (P/O)  
CCSL, Kuala Lumpur  
📞 03-26154710     ✉ riduan.kl@utm.my



En. Yunus bin Ishak  
Pembantu Operasi  
CCSL, Kuala Lumpur  
📞 03-26154740     ✉ yunus.kl@utm.my



## PERATURAN DAN SYARAT KURSUS KOKURIKULUM

### SYARAT PENDAFTARAN

- 1 Pelajar sepenuh masa program Ijazah Sarjana Muda wajib mengambil dan lulus dua (2) kredit kursus kokurikulum sementara pelajar sepenuh masa program Diploma wajib mengambil dan lulus satu (1) kredit kursus kokurikulum sebagai syarat untuk bergraduan.
- 2 Pelajar boleh mengambil kursus kokurikulum mulai dari semester 1 tahun kedua namun tertakluk kepada syarat penawaran kursus dan kebenaran serta kelulusan fakulti masing-masing.
- 3 Pelajar hanya dibenarkan mendaftar satu kursus kokurikulum dalam satu-satu semester.
- 4 Pelajar tidak dibenarkan mengambil kursus kokurikulum yang sama sebagai melengkapkan syarat kredit kursus kokurikulum kecuali untuk mengulang kursus.
- 5 Untuk mengambil kursus kokurikulum di bawah teras sukan pelajar hendaklah tidak mengalami kecacatan anggota tubuh badan dan tidak mempunyai masalah kesihatan untuk menyertai aktiviti bersukan.
- 6 Pelajar bebas memilih mana-mana kursus kokurikulum yang ditawarkan oleh Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis (CCSL). Namun begitu, kursus berkenaan hanya akan dijalankan jika bilangan pelajar berdaftar adalah tidak kurang daripada 20 orang.
- 7 Pelajar digalakkan membuat pendaftaran kursus dalam tempoh prapendaftaran kursus yang dijadualkan oleh Universiti.
- 8 Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis berhak untuk tidak menawarkan kursus kokurikulum yang ditawarkan pada masa prapendaftaran kursus tanpa notis terlebih dahulu. Pelajar dikehendaki membuat pendaftaran kursus baharu bagi menggantikan kursus yang dibatalkan.

- 9 Pelajar yang pendaftaran kursusnya telah disahkan tidak dibenarkan menukar kursus yang telah didaftarkan kepada kursus lain atau menukar seksyen kursus yang telah ditetapkan kepada seksyen lain.
- 10 Pelajar boleh menarik diri daripada kursus kokurikulum yang telah didaftarkan dalam tempoh yang dibenarkan oleh Universiti.
- 11 Pelajar yang memperoleh keputusan GAGAL untuk kursus kokurikulum yang diikuti boleh sama ada mengulang kursus kokurikulum yang sama, atau mengambil kursus kokurikulum yang lain bagi melengkapkan syarat kredit kursus kokurikulum.
- 12 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar semula kursus kokurikulum yang telah lulus bagi tujuan membaiki gred.

## SYARAT PERPINDAHAN KREDIT

Senat Universiti yang bersidang pada 7 September 2005 memutuskan bahawa hanya graduan lulusan diploma dari UTM sahaja layak mendapat pengecualian kredit kursus kokurikulum dengan syarat pelajar berkenaan membuat permohonan pengecualian kredit. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar dari IPTA lain yang telah tamat latihan dan ditauliahkan dalam pasukan Palapes, Suksis dan JPA3 boleh memohon pengecualian kredit.

## PELAKSANAAN KURSUS KOKURIKULUM

- 1 Masa pertemuan kursus kokurikulum adalah pada setiap hari Selasa bermula dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang dengan setiap kali pertemuan adalah dua (2) jam selama 14 minggu (sepanjang semester).
- 2 Kursus kokurikulum meliputi pengajaran dan pembelajaran secara teori dan praktikal di dalam bilik kuliah, latihan amali atau aktiviti di luar bilik kuliah dan projek khidmat komuniti.
- 3 Pelajar yang kehadirannya kurang daripada 80% (atau gagal hadir tiga kali pertemuan) tidak layak diberikan penilaian akhir dan akan diberikan keputusan GAGAL.
- 4 Semua pelajar diwajibkan terlibat dalam projek khidmat komuniti yang menjadi salah satu penilaian dalam kursus kokurikulum.



## KOKURIKULUM BERTERASKAN PEMBELAJARAN SERVIS

UTM memperkenalkan satu penambahbaikan terhadap kursus kokurikulum dengan menerapkan kemahiran bermasyarakat sebagai komponen penting untuk menghasilkan graduan yang holistik. Kursus tersebut mempunyai dua komponen iaitu pengetahuan kokurikulum dan pembelajaran servis. Gabungan keduanya akan memberikan impak yang positif kepada peningkatan kemahiran insaniah mahasiswa.

### KOKURIKULUM

Kokurikulum merupakan aktiviti, proses serta isi pengajaran dan pembelajaran terancang yang sebahagian besarnya dilaksanakan di luar bilik darjah. Kokurikulum juga merupakan aktiviti berkumpulan yang melibatkan penyertaan aktif yang bermatlamat untuk membantu mahasiswa meningkatkan kemahiran insaniah mereka.

### PEMBELAJARAN SERVIS

Kursus yang melibatkan komuniti sebagai medium untuk memperoleh pengalaman bagi aktiviti pemindahan pengetahuan secara berstruktur. Pengetahuan yang dimaksudkan ialah ilmu dan pengalaman yang diperoleh oleh mahasiswa dalam kursus kokurikulum serta kursus-kursus yang lain. Aktiviti tersebut adalah seperti :



Kajian Keperluan Komuniti



Cadangan Penyelesaian



Pelaksanaan Projek



Laporan Refleksi



Seminar Hasil Projek

## KEMAHIRAN INSANIAH

Kemahiran insaniah adalah aktiviti pemacu kendiri mahasiswa (student-driven) yang bermatlamat ke arah pemerolehan pengetahuan dan kemahiran insaniah (soft-skills). Terdapat enam (6) jenis kemahiran insaniah yang diuji dalam aktiviti kokurikulum di UTM. Namun begitu, bagi kursus kokurikulum, hanya empat (4) kemahiran insaniah yang di nilai iaitu (i) Pembelajaran Sepanjang Hayat; (ii) Kemahiran Kepimpinan; (iii) Kemahiran Berpasukan; dan (iv) Etika dan Profesionalisme.

### Kemahiran dan Tanggungjawab Sosial

Keupayaan untuk mempamerkan tingkah laku atau respon yang sesuai secara lisan atau bukan lisan.

### Nilai, Sikap dan Profesionalisme

Nilai adalah prinsip-prinsip, standard atau kualiti yang sedia ada pada individu atau sekumpulan individu. Sikap merujuk kepada perasaan dan tataurus atau individu dalam menjalani kelangsungan kehidupan mereka dalam sesebuah masyarakat. Tindakan individu atau sekumpulan Profesionalisme merujuk kepada ciri-ciri yang ada pada individu seperti kemampuan, kemahiran dan cara pelaksanaan terhadap sesuatu fungsi sebagaimana tatacara seseorang profesional. Etika profesional merujuk kepada nilai dan kod amalan yang harus di patuhi oleh seorang profesional dalam mengamalkan ilmu dalam bidang dan kerjaya masing-masing.

### Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan

Kemahiran berkomunikasi merupakan kebolehan menyampaikan maklumat secara efektif dan berkesan. Kemahiran kepimpinan melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri kepimpinan dalam pelbagai aktiviti. Kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan pihak lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya bagi mencapai tujuan yang sama.

### Kemahiran Menyelesaikan Masalah dan Kemahiran Saintifik

Kemahiran menyelesaikan masalah melibatkan kebolehan untuk mengenal pasti masalah, menjana penyelesaian alternatif, menilai dan memilih penyelesaian alternatif, iaitu membuat dan melaksanakan keputusan dan melaksanakan penyelesaian. Kemahiran Saintifik adalah kebolehan intelektual untuk memproses secara aktif dan mahir dalam pembentukan konsep, analisis, aplikasi, sintesis dan/atau penilaian maklumat. Kemahiran ini melibatkan pemikiran kritikal dan kreatif untuk menghasilkan keputusan/pendapat yang telah di pertimbangkan dengan sebaik-baiknya dan secara logik/teratur.

### Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pengurusan maklumat ialah pengumpulan dan pengurusan yang berkaitan maklumat daripada satu atau lebih sumber dan pengedaran maklumat kepada satu atau lebih pengguna. Pembelajaran sepanjang hayat di takrifkan secara umum sebagai pembelajaran yang di laksanakan sepanjang hidup.

### Kemahiran Mengurus dan Keusahawanan

Kemahiran mengurus merupakan kemahiran asas pengurusan organisasi atau kumpulan yang meliputi kemahiran mengurus masa, membuat keputusan, menyusun idea, memberi arahan kerja dan mendorong atau memberi motivasi kepada ahli. Keusahawanan merangkumi minda keusahawanan dan kemahiran keusahawanan.

## PELAKSANAAN

Rancangan pengajaran merupakan rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk dilaksanakan oleh tenaga pengajar di dalam atau di luar kelas dalam satu jangka masa tertentu. Butiran yang perlu dicatatkan dalam rancangan pengajaran ialah minggu pengajaran, tarikh dan topik/aktiviti/perkara yang dijalankan. Terdapat tiga (3) perkara yang perlu dititikberatkan oleh tenaga pengajar ketika membuat rancangan pengajaran, iaitu :

### ■ Kandungan Kursus

Rancangan pengajaran yang dibina adalah berdasarkan Pembelajaran Berasaskan Hasil (Outcome Based Education). Setiap hasil pembelajaran adalah sejajar dengan aktiviti pengajaran, tugasan dan penilaian. Setiap minggu, tenaga pengajar perlu merancang aktiviti yang sesuai dijalankan bersama mahasiswa.

### ■ Pembelajaran Servis

Rancangan pengajaran yang dibina mestilah melibatkan aktiviti libatsama komuniti. Setiap aktiviti pembelajaran servis yang dijalankan mestilah mempunyai tujuan dan berkait dengan keperluan komuniti serta dapat meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa. Program pembelajaran servis yang dijalankan perlu dirancang dengan rapi agar semua mahasiswa dapat terlibat.

### ■ Perpindahan / Asimilasi Ilmu

Program yang dilakukan oleh mahasiswa haruslah melibatkan proses perpindahan ilmu oleh mahasiswa kepada komuniti. Oleh itu, mahasiswa dikehendaki merancang, membuat cadangan, melaksanakan serta membuat refleksi kepada projek komuniti yang dijalankan. Dengan ini, mahasiswa boleh mempelajari proses perpindahan ilmu pengetahuan secara berstruktur.

## TEMPOH PEMBELAJARAN MAHASISWA

Jumlah jam kredit yang ditetapkan adalah dua kredit, yang bersamaan dengan 80 jam tempoh masa pembelajaran mahasiswa (Student Learning Time - SLT). Daripada 80 jam tersebut, tempoh masa pembelajaran terbahagi kepada (i) pembelajaran kendiri; (ii) projek libatsama komuniti; (iii) kuliah/latihan/amali; dan (iv) penilaian.



### ■ Penilaian Kursus

Setiap kursus kokurikulum pembelajaran servis akan dinilai berdasarkan tiga elemen penting, iaitu:

**20%**  
Kemahiran Teknikal  
(Domain Kognitif)

**40%**  
Kemahiran Insaniah  
(Domain Psikomotor)

**40%**  
Kemahiran Insaniah  
(Domain Afektif)




## BUKU PANDUAN AKADEMIK KOKURIKULUM BERTERASKAN PEMBELAJARAN SERVIS

### PROGRAM LIBATSAMA KOMUNITI

Program Libatsama Komuniti yang dijalankan oleh Pusat Kokurikulum dan Pembelajaran Servis menggunakan pendekatan pembelajaran servis (service learning). Hasil daripada pembelajaran servis melalui khidmat komuniti adalah:

- 1 Mahasiswa mampu dan boleh berinteraksi dengan baik bersama dengan komuniti tersebut.
- 2 Perpindahan pengetahuan dapat berlaku daripada tenaga pengajar dan mahasiswa kepada komuniti.
- 3 Mahasiswa dapat mempraktikkan kemahiran insaniah melalui program yang telah dijalankan bersama dengan komuniti.

Proses pembelajaran servis melibatkan empat (4) langkah yang perlu diikuti seperti di bawah :



## PENILAIAN KURSUS

### Kaedah Penilaian

Proses penilaian kognitif, psikomotor, dan afektif boleh dilakukan melalui beberapa contoh tugas/aktiviti berikut:

- Tugasan individu dan berkumpulan.
- Portfolio projek (menggunakan e-portfolio yang sedia ada).
- Latihan berkumpulan.
- Aktiviti fizikal.
- Laporan refleksi.
- Pembentangan.
- Projek Komuniti.
- Lain-lain yang bersesuaian.

### Rubrik Penilaian

Penilaian kursus kokurikulum yang dilaksanakan di Pusat Kokurikulum dan Pembelajaran Servis UTM adalah berdasarkan kemahiran insaniah. Rubrik yang digunakan adalah seperti berikut :

- Rubrik Penilaian Kemahiran Kepimpinan.
- Rubrik Penilaian Kemahiran Berpasukan.
- Rubrik Penilaian Pembelajaran Sepanjang Hayat.
- Rubrik Penilaian Etika dan Profesionalisme.





## TERAS

Kursus kokurikulum dua kredit dibahagikan kepada empat (4) bidang teras utama, seperti di bawah :

UKQU

### BADAN BERUNIFORM

Merujuk kepada aktiviti kokurikulum yang melibatkan pasukan beruniform yang wujud.

- a) Badan beruniform yang ditubuhkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- b) Badan beruniform yang diuruskan oleh agensi kerajaan.

UKQA

### AKADEMIK DAN PROFESIONAL

Merujuk kepada aktiviti kokurikulum yang dilakukan oleh persatuan mahasiswa berteraskan kepada bidang profesional dan kepakaran khusus.

Ini melibatkan pertubuhan, persatuan dan kelab mahasiswa yang melakukan aktiviti pengayaan pengetahuan, kemahiran inovasi dan pembinaan kerjaya.

UKQR

### KESUKARELAWANAN

Merujuk kepada aktiviti kokurikulum yang dilakukan oleh persatuan mahasiswa berteraskan kepada aktiviti khidmat sukarela, keprahitarian sosial, pembangunan masyarakat, kepimpinan dan pembangunan modal insan.

Ini melibatkan pertubuhan, persatuan dan kelab mahasiswa yang menjalankan aktiviti cenderung untuk memberi sumbangan terhadap pembangunan sosial masyarakat.

UKQS

### SUKAN, REKREASI & KEBUDAYAAN

Merujuk kepada aktiviti kokurikulum yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan kepada aktiviti kesukanan, rekreatif dan kebudayaan serta keagamaan.

## SENARAI KURSUS KOKURIKULUM PEMBELAJARAN SERVIS

Berikut merupakan senarai kursus kokurikulum pembelajaran servis yang boleh dipilih oleh pelajar. Kursus kokurikulum yang ditawarkan pada setiap semester adalah tertakluk kepada Pusat Kokurikulum dan Pembelajaran Servis.

### BADAN BERUNIFORM

- UKQU 2132 Palapes Darat
- UKQU 2232 Palapes Laut
- UKQU 2332 Suksis
- UKQU 2412 Kelana Siswa
- UKQU 2512 Pertahanan Awam
- UKQU 2612 Pertolongan Cemas

### AKADEMIK DAN PROFESIONAL

- UKQA 2012 Inovasi dan Komuniti
- UKQA 2022 Media Digital dan Komuniti
- UKQA 2032 Simenfero
- UKQA 2042 Khidmat Jaringan Geokomuniti
